

Ekonomi negara mampu capai enam peratus
Utusan Online
23 Mac, 2013

BUTTERWORTH 22 Mac - Pertumbuhan ekonomi negara berpotensi mencapai kadar enam peratus tahun ini berdasarkan rekod pertumbuhan sebanyak 5.6 peratus pada tahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, keyakinan itu juga berdasarkan kecemerlangan ekonomi semasa negara dengan momentum yang mampu melonjakkan pertumbuhan memberangsangkan.

Menurutnya, kadar pelaburan negara yang suatu masa dahulu hanya sekitar 10 peratus kini mampu melebihi dua digit serta kadar inflasi juga amat rendah.

"Pada awal tahun lalu, kita menjangkakan pertumbuhan ekonomi negara hanya mampu mencapai sekitar empat hingga 4.5 peratus sahaja, namun terbukti mampu melebihi 5.6 peratus.

"Jadi berdasarkan kejayaan itu, kita yakin negara mampu mencapai pertumbuhan sehingga enam peratus tahun ini dengan prestasi ekonomi cemerlang serta pelbagai faktor lain yang menggalakkan pertumbuhan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu, beliau yang juga Ahli Parlimen Tasek Gelugor menyampaikan sijil kepada peserta Kursus Literasi Komputer anjuran Jabatan Pembangunan Wanita dengan kerjasama Pusat Khidmat Ahli Parlimen Tasek Gelugor serta melanbarkan portal MyWanita peringkat Parlimen.

Dalam pada itu, Nor Mohamed memberitahu, kadar celik komputer dalam kalangan wanita luar bandar masih rendah dan ia perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi menambah nilai golongan suri rumah khususnya.

"Konsep 'small office home office (SOHO) diterima di banyak negara dan boleh diperluaskan di Malaysia dengan kemahiran kaum wanita ini untuk celik komputer.

"Malah, banyak peluang untuk menambah pendapatan dapat dicapai sekiranya mereka celik komputer termasuk menjalankan pemasaran menerusi internet bagi menjual produk-produk secara online," ujarinya.

Menurut beliau, menjelang 2020 peranan wanita yang lebih proaktif amat diperlukan bagi mengimbangi tugas yang dimainkan lelaki dalam pembangunan negara.

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20130323/ek_04/Ekonomi-negara-mampu-capai-enam-peratus